A **SYARIAH COURT REPORT**

S Osman bin S Karim & satu lagi lwn AK Othman Shah bin Pg Mohd Yussof & satu lagi

B MAHKAMAH TINGGI SYARIAH (SABAH) — SAMAN MAL NO T-A17-1 DAN T-A17 TAHUN 1996
JASRI MATJAKIR H
21 JANUARI 1998

Undang-Undang Islam *— Bidang kuasa mahkamah — Mahkamah Syariah —*
C *Sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan untuk membatalkan saman — Enakmen Prosedur Mal Syariah 1993 ss 69, 116, 244 & 251*

Undang-Undang Islam *— Res judicata — Keputusan, kemuktamadan keputusan terdahulu — Sama ada Mahkamah Syariah boleh mendengar kes yang telah diselesai*
D *oleh mana-mana mahkamah terdahulu jika keputusan itu tidak menepati hukum syarak*

Sebidang tanah ('tanah tersebut') telah dianugerahkan oleh Sultan Brunei kepada Pg Abdul Rauf ('PAR'). Tanah tersebut kemudiannya telah diwarisi oleh Pg Mohd Jalaluddin ('PMJ'). PMJ telah memeterai
E perjanjian dengan sebuah syarikat British ('BNBC') di mana tanah tersebut telah diserahkan kepada BNBC dan satu geran mati telah diberikan kepada PMJ. Menurut pentadbiran BNBC, tanah tersebut telah menjadi milik peribadi PMJ. Seterusnya tanah tersebut berpindahmilik kepada Pg Siti Fatimah ('PSF') yang telah didaftarkan
F oleh pendaftar tanah berdasarkan perintah mahkamah sesyen. Apabila PSF meninggal dunia, tanah tersebut telah dipindahmilik kepada anak-anaknya melalui perintah Mahkamah Anak Negeri dan atas kematian mereka, Mahkamah Tinggi telah melantik Pejabat Pemegang Amanah Malaysia sebagai pemegang amanah tanah tersebut dan seterusnya memindahmilik tanah tersebut kepada defendan-defendan.
G Dalam tempoh harta tersebut berada dalam pegangan Pemegang Amanah Malaysia, tiada seorangpun dari keturunan PAR dan PMJ yang mengaku sebagai waris yang berhak datang menuntut daripada Pemegang Amanah Malaysia. Plaintif-plaintif memfailkan saman dan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan menuntut
H pembahagian harta pusaka dalam tanah tersebut mengikut faraid atas alasan bahawa mereka adalah waris PAR dan PMJ. Adalah dihujahkan bahawa pemilikan tanah tersebut oleh PSF tidak mengikut hukum syarak dan wujud penipuan dalam pindahmilik tersebut. Defendan-defendan telah memfailkan permohonan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif atas
I alasan: (i) ianya tidak menimbulkan apa-apa kausa munasabah; atau (ii) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; atau (iii) ianya selainnya adalah penyalahan proses mahkamah. Isu-isu yang ditimbulkan adalah: (i) adakah Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar sesuatu permohonan untuk membatalkan saman?;

(ii) adakah kes tanah pusaka PAR dan PMJ telah selesai?; dan A
(iii) adakah mahkamah ini boleh mendengar semula kes-kes yang telah selesai?

Diputuskan, membenarkan permohonan defendan-defendan:

(1) Berdasarkan ss 69, 116, 244 dan 251 Enakmen Prosedur Mal B Syariah 1993 ('EPMS'), mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan yang jatuh dalam bidang kuasa mahkamah syariah termasuk permohonan membatalkan saman dan pernyataan tuntutan.

Berkenaan dengan hujah plaintif yang mengatakan mahkamah C ini tiada bidang kuasa membuang/membatal sesuatu saman dan tuntutan tanpa perbicaraan kerana ketiadaan kaedah yang membolehkannya sepertimana yang diberi kepada Mahkamah Tinggi Awam, adalah ditegaskan bahawa mahkamah ini tidak memerlukannya kerana gabungan ss 69, 116, 244 dan 251 EPMS sudah cukup menjelaskan kuasa yang ada pada mahkamah ini. D Tidak timbul soal pemakaian A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Mungkin alasan yang membolehkan sesuatu saman dan pernyataan tuntutan dibuang adalah sama. Oleh itu, tidak timbul persoalan meniru kepada kaedah yang dipakai di mahkamah sivil (lihat ms 602C, I dan 603A–B).

E

(2) Berdasarkan kepada fakta-fakta, kes tanah pusaka yang dituntut ini telah selesai melalui dua jalan: pertama, melalui perjanjian dan kedua, melalui keputusan dan perintah mahkamah. Kes tanah tersebut telah disentuh oleh mahkamah sesyen, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Tinggi Sivil. Tiada satu peruntukan pun yang menghalang mahkamah-mahkamah itu dari mendengar F dan mengeluarkan perintah ke atasnya atau memutuskannya.

Dengan penyerahan tanah tersebut kepada BNBC bermakna tanah pusaka PAR yang dituntut oleh plaintif pertama sebenarnya tidak wujud lagi dan dengan ini plaintif pertama tiada locus standi untuk menuntut pembahagian walaupun dia adalah berasal G dari keturunan PAR. Tanah pusaka PMJ juga telah selesai menerusi perintah mahkamah dan telah dilaksanakan oleh pendaftar tanah. Walaupun pemilikan tanah pusaka PMJ oleh PSF tidak selari dengan pembahagian faraid jika pemilikan itu adalah tanpa persetujuan ahli waris lain pada masa itu, ketiadaan bantahan lanjut pada masa penukaran milik dan selepas penukaran H milik kepada PSF oleh saudara-saudaranya bolehlah dianggap mereka bersetuju. Sekiranya mereka tidak bersetuju pemilikan tanah tersebut oleh PSF, mereka sepatutnya telah membuat tuntutan kepada pejabat tanah atau mahkamah pada masa itu. Tambahan pula, isu yang ditimbulkan oleh plaintif bahawa wujud I penipuan dalam pindahmilik tanah tersebut kepada PSF patut dibuktikan semasa permohonan ini didengar. Sekyen 32 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 16/1992 ('EKMS') membenarkan plaintif membawa bukti lain melawan fakta yang telah dibuktikan

A oleh defendan. Oleh kerana plaintif tidak membuktikan dakwaan itu, maka dakwaan wujud penipuan dalam pindahmilik tanah oleh PSF ditolak.

Penyelesaian yang mahkamah lihat pada hari ini semata-mata berdasarkan wujudnya penghakiman dan perintah mahkamah ke
B atas tanah tersebut. Berdasarkan s 28 EKMS, kewujudan perintah demikian menghalang mahkamah ini dari mengambil tahu tentang guaman itu atau membicara semula (lihat ms 601H, 603C–I dan 604A).

(3) Perintah dan keputusan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah awam atau Mahkamah Anak Negeri yang melibatkan
C harta pusaka orang Islam sebelum pindaan kepada perkara 121A Perlembagaan Persekutuan adalah sah dan tidak boleh dibicara semula. Apa-apa yang telah diputuskan oleh mahkamah terdahulu perlu dihormati walaupun tidak menepati hukum syarak. Sistem kehakiman dan perundangan Malaysia telah menentukan
D demikian. Mahkamah ini juga tertakluk kepada sistem yang ada. Kes tanah tersebut telah selesai melalui penghakiman dan perintah mahkamah terdahulu. Mahkamah ini tidak boleh mendengar kes-kes yang telah diselesai oleh mana-mana mahkamah terdahulu walaupun keputusan/pembahagian itu tidak menepati hukum faraid. Sesuatu kes itu dianggap telah selesai dalam tiga keadaan:
E (i) melalui perintah mahkamah dan telah tamat tempoh rayuan; (ii) penyelesaian melalui perjanjian (s 88 EPMS); dan (iii) penarikan balik kes tanpa kebenaran mahkamah (s 91 EPMS). Kes-kes yang diselesaikan melalui salah satu cara ini membawa kesan res judicata kepada prosiding, seterusnya ke atas perkara
F yang sama. Kes tanah tersebut telah diselesaikan melalui perintah mahkamah. Oleh itu, tiada apa-apa mengenai tanah itu yang boleh dibawa semula ke mahkamah ini kecuali diberi dengan jelas oleh undang-undang. Mahkamah ini tidak dibekalkan kuasa mendengar atau menyemak semula apa-apa kes yang telah diselesaikan oleh mahkamah terdahulu (lihat ms 604B–I dan
G 605A–B).

Undang-undang yang dirujuk

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 16/1992 ss 28, 32
Enakmen Mahkamah Syariah No 14 /1992 s 15
H Enakmen Prosedur Mal Syariah 1993 ss 69, 88, 91, 116, 244, 251
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19
Perlembagaan Persekutuan perkara 121A

Fatmawattie Hj Abu Bakar, *Kamar Ainiah Kamaruzaman*, *Pawancheek Marican* dan *Zulkifli Noordin* (*Dr Yaacob & Ismail*) bagi pihak plaintif-
I plaintif.

Salleh Abas (*Ansari & Co*) bagi pihak defendan-defendan.

Jasri Matjakir H: Kes ini adalah suatu permohonan untuk mendapatkan perintah membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif

yang difailkan di mahkamah ini. Plaintif pertama S Osman bin S Karim ('PL1') dalam samannya mendakwa bahawa dia adalah waris dan keturunan Pg Abdul Rauf melalui salasilah Pg Abdullah. Manakala plaintif kedua Awangku Tajuddin bin Pg Idris ('PL2') mendakwa bahawa dia adalah ahli waris Pg Mohd Jalaluddin bin Pg Abdul Rauf melalui salasilah Pg Yakob.

PL1 menuntut bahagian yang sepatutnya diterima oleh Pg Abdullah dari pusaka Pg Abdul Rauf manakala PL2 pula menuntut hak bahagian yang sepatutnya diwarisi oleh Pg Yakob dari harta peninggalan Pg Mohd Jalaluddin mengikut faraid. PL1 dan PL2 mendakwa bahawa pemilikan harta pusaka peninggalan Pg Abdul Rauf oleh Pg Mohd Jalaluddin dan kepada Pg Siti Fatimah tidak mengikut hukum syarak. Oleh yang demikian PL1 dan PL2 menuntut supaya pusaka itu dibahagi mengikut faraid atas alasan mereka adalah waris/keturunan Pg Abdul Rauf dan Pg Mohd Jalaluddin.

Defendan-defendan (D1 & D2) menyangkal dakwaan dan menentang tuntutan kedua-dua plaintif itu dan telah memfailkan satu permohonan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan PL1 dan PL2. Alasan-alasan permohonan adalah seperti berikut:

(1) ianya tidak menimbulkan apa-apa kausa munasabah mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

(2) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; atau

(3) ianya selainnya adalah penyalahan proses mahkamah.

Menurut fakta dalam kes ini, harta pusaka yang dituntut pembahagian oleh PL1 dan PL2 adalah sebidang tanah seluas 2,500 ekar dikenali sebagai Karambunai. Tanah ini adalah pemberian Sultan Brunei dianugerahkan kepada Pg Abdul Rauf bin Pg Rajit yang merupakan pemerintah/raja bagi Karambunai termasuk Mengkabung dan Menggatal.

Apabila Pg Abdul Rauf mangkat, Pg Mohd Jalaluddin telah ditabalkan menjadi raja bagi Karambunai dan sekitarnya. Tanah anugerah Sultan Brunei turut diwarisi oleh Pg Mohd Jalaluddin. Tiada sebarang bantahan dari kalangan saudara mara Pg Mohd Jalaluddin mengenai pewarisan ini yang dicatat. Semasa pemerintahan Pg Mohd Jalaluddin telah berlaku pemberontakan menentang orang Inggeris — British North Borneo Company ('BNBC'). Pemberontakan ini dipimpin oleh Paduka Mat Salleh dan lain-lain. Mereka telah membakar Pulau Gaya. Akibat dari peristiwa ini, BNBC telah membuat aduan kepada Sultan Brunei. BNBC telah mendakwa Pg Mohd Jalaluddin terlibat dalam penentangan ini.

Bagi menyelesai dan menamatkan perselisihan ini, maka satu triti di antara BNBC dan Pg Mohd Jalaluddin telah dimeterai pada 23 Mac 1898 di Pulau Labuan. Antara kandungan triti ini ialah tanah kekuasaan Pg Mohd Jalaluddin iaitu Karambunai diserah kepada BNBC. Pihak BNBC pula akan memberi satu geran mati kepada Pg Mohd Jalaluddin dan wang pampasan sebanyak $2,500 setahun selama mana pihak BNBC berkuasa di Sabah. Untuk memenuhi kehendak perjanjian itu, tanah Karambunai telah diserah kepada BNBC. Manakala BNBC pula telah memberi satu

A geran mati iatu WCCL 228 dengan keluasan 2,500 ekar kepada Pg Mohd Jalaluddin. Pemberian ini berlaku dalam tahun 1905.

Geran WCCL 228 telah menjadi milik peribadi Pg Mohd Jalaluddin menurut pentadbiran BNBC. Apabila Pg Mohd Jalaluddin meninggal dunia, kuasa mentadbir harta pusaka Pg Mohd Jalaluddin telah diberi
B kepada Pg Siti Fatimah melalui perintah mahkamah sesyen pada tahun 1913. Pg Jalil iaitu saudara kandong seibu sebapa kepada Pg Siti Fatimah tidak menentang kuasa yang diberi kepada Pg Siti Fatimah untuk berbuat apa saja ke atas tanah pusaka Karambunai. Dia juga menarik balik tuntutan mengenai wang penyerahan di bawah triti. Dia juga menarik balik permintaan untuk membetulkan geran WCCL 228.

C Pada 8 Ogos 1935, geran WCCL 228 telah berpindahmilik kepada Pg Siti Fatimah. Pindahmilik ini telah didaftarkan oleh pendaftar tanah berdasarkan perintah mahkamah sesyen. Pg Siti Fatimah seterusnya telah membuat representasi kepada pihak BNBC dan BNBC telah menggantikan geran WCCL 228 pada 16 Julai 1941 dengan satu geran baru WCCL 9117.
D Keluasan tanah tersebut telah diperbesarkan menjadi 3,835 ekar.

Apabila Pg Siti Fatimah meninggal dunia, tanah tersebut melalui perintah Mahkamah Anak Negeri Jesselton telah dipindahmilik pada 12 April 1956 kepada Siti Hafsah (anak perempuan si mati) dan Siti Alimah bte Dato Hussein (cucu perempuan). Mereka masing-masing
E mendapat ½ bahagian. Mahkamah Anak Negeri Jesselton telah melantik Pg Siti Hafsah sebagai penjaga kepada Pg Siti Alimah. Apabila Siti Alimah meninggal dunia, Mahkamah Tinggi telah melantik Pemegang Amanah Raya Malaysia sebagai pemegang amanah ½ bahagian daripada tanah tersebut. Kemudian setelah kedua-dua anak Siti Alimah mencapai had umur 18 tahun, pejabat Pemegang Amanah Malaysia memindah milik
F ½ bahagian tersebut kepada defendan-defendan.

Apabila Pg Siti Hafsah meninggal dunia, Mahkamah Tinggi juga telah melantik Pejabat Pemegang Amanah Malaysia sebagai pemegang amanah ½ bahagian baki tanah tersebut dan seterusnya memindahmilik tanah tersebut kepada kedua-dua defendan.

G Dalam tempoh harta tersebut berada dalam pegangan Pemegang Amanah Malaysia, tiada seorangpun dari keturunan Pg Abdul Rauf dan Pg Mohd Jalaluddin yang mengaku sebagai waris yang berhak datang menuntut daripada Pemegang Amanah Malaysia.

Saya dapati bahawa kes tanah Karambunai ini telah disentuh oleh
H mahkamah sesyen, Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Tinggi Sivil. Saya juga dapati tiada satu peruntukan pun yang menghalang mahkamah-mahkamah itu dari mendengar dan mengeluarkan perintah ke atasnya atau memutuskannya.

Setelah meneliti hujah-hujah pihak plaintif dan pihak defendan, saya
I dapati isu utama yang ditimbulkan ialah:

(a) Adakah Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai bidang kuasa mendengar sesuatu permohonan untuk membatalkan saman?

(b) Adakah kes tanah pusaka Pg Abdul Rauf dan Pg Mohd Jalaluddin telah selesai? A

(c) Adakah mahkamah ini boleh mendengar semula kes-kes yang telah selesai?

Adakah mahkamah ini mempunyai bidang kuasa mendengar permohonan membatalkan sesuatu saman? B

Saya bersetuju dengan hujah peguam defendan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa permohonan yang jatuh dalam bidang kuasa mahkamah syariah termasuk permohonanan membatalkan saman dan pernyataan tuntutan/dokumen. C Peruntukan undang-undang yang memberi kuasa demikian dinyatakan dalam ss 69, 116, 244 dan 251 Enakmen Prosedur Mal Syariah 1993 ('EPMS'). Seksyen-seksyen ini hendaklah dibaca bersama supaya bidang kuasa itu jelas kerana seksyen-seksyen ini berkait antara satu sama yang lain.

Permohonan membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif- D plaintif merupakan salah satu permohonan yang mana permohonan ini adalah berbangkit dari prosiding yang sedang berjalan. Seksyen 69 menggariskan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pemohon sekiranya permohonan itu mengenai prosiding yang masih berjalan. Dalam seksyen ini tidak dinyatakan apakah jenis permohonan yang dibolehkan. Oleh itu apa-apa jua permohonan yang mana kes asalnya itu jatuh dalam bidang E kuasa mahkamah syariah maka ia termasuk dalam kehendak seksyen ini.

Seksyen 244 pula memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuang mana-mana dokumen termasuk saman dan pernyataan tuntutan yang mencemarkan, tak berkaitan, mengganggu, menindas, menimbulkan perbahasan atau perkara dalam dokumen terlalu panjang. Pemberian kuasa F mengenakan kos atau memerintahkan perbelanjaan ke atas dokumen yang dibuang menguatkan lagi tafsiran bahawa mahkamah mempunyai bidang kuasa membuang/membatalkan mana-mana dokumen tuntutan dan saman yang bersifat seperti yang dinyatakan dalam s 244.

Dalam s 116, sekiranya pernyataan tuntutan/dokumen itu dibuang/ G dibatal, ini tidak menghalang mahkamah untuk meneruskan/mendengar tuntutan balas pihak yang satu lagi jika ada. Inilah yang ditekankan oleh s 116 EPMS. Seksyen ini juga memberi gambaran mengenai tuntutan yang dibuang atau dibatal oleh mahkamah manakala s 251 memberi kuasa kepada mahkamah membuat apa-apa perintah yang mana perkara itu termasuk dalam bidang kuasa asal mahkamah untuk mengelak kezaliman H atau penyalahgunaan apa-apa proses mahkamah.

Adapun ungkapan yang diguna dalam s 251, 'membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut' adalah umum dan tidak terhad tapi berpatutan. Sekiranya tuntutan pihak-pihak itu dilihat sebagai penyalahan proses mahkamah maka ianya boleh mengenakan apa-apa perintah yang I patut termasuklah membuang/membatalkan tuntutan itu.

Hujah peguam plaintif mengatakan mahkamah ini tiada bidang kuasa membuang/membatal sesuatu saman dan tuntutan tanpa perbicaraan kerana

A ketiadaan kaedah yang membolehkannya sepertimana yang diberi kepada Mahkamah Tinggi Awam. Saya tegaskan mahkamah ini tidak memerlukannya kerana gabungan ss 69, 116, 244 dan 251 EPMS sudah cukup menjelaskan kuasa yang ada pada mahkamah ini. Tidak timbul soal pemakaian A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Mungkin alasan yang membolehkan sesuatu saman dan pernyataan tuntutan dibuang
B adalah sama. Oleh itu tidak timbul persoalan meniru kepada kaedah yang dipakai di mahkamah sivil.

Adakah kes tanah pusaka Pg Abdul Rauf dan Pg Mohd Jalaluddin telah selesai?

C Berdasarkan kepada fakta yang telah disebutkan, saya berpendapat bahawa kes tanah pusaka yang dituntut ini telah selesai melalui dua jalan: pertama, melalui perjanjian dan kedua, melalui keputusan dan perintah mahkamah.

Perjanjian yang dimeterai di antara Pg Mohd Jalaluddin dan pihak BNBC pada tahun 1898 menghendaki Pg Mohd Jalaluddin menyerahkan
D tanah di bawah kekuasaannya iaitu Karambunai kepada BNBC. Pihak BNBC pula akan memberi satu geran mati kepada Pg Mohd Jalaluddin iaitu WCCL 228 dengan keluasan 2,500 ekar. Tanah Karambunai bukan lagi lambang kekuasaan tetapi telah menjadi milik peribadi Pg Mohd Jalaluddin berdasarkan peraturan dan undang-undang British.

E Dengan penyerahan tanah itu kepada BNBC bermakna tanah pusaka Pg Abdul Rauf yang dituntut oleh PL1 sebenarnya tidak wujud lagi dan dengan ini PL1 tiada locus standi untuk menuntut pembahagian walaupun dia adalah berasal dari keturunan Pg Abdul Rauf.

Adapun tanah pusaka Pg Mohd Jalaluddin itu juga telah selesai
F menerusi perintah mahkamah dan telah dilaksanakan oleh pendaftar tanah pada tahun 1935. Saya bersetuju dengan hujah peguam plaintif bahawa pemilikan seratus peratus tanah pusaka Pg Mohd Jalaluddin oleh Pg Siti Fatimah tidak selari dengan pembahagian faraid jika pemilikan itu tanpa persetujuan ahli waris lain pada masa itu. Bagaimanapun, ketiadaan bantahan lanjut pada masa penukaran milik dan selepas penukaran milik
G kepada Pg Siti Fatimah oleh saudara-saudaranya bolehlah dianggap mereka bersetuju. Sekiranya mereka tidak bersetuju pemilikan seratus peratus tanah tersebut oleh Pg Siti Fatimah mereka sepatutnya telah membuat tuntutan kepada pejabat tanah atau mahkamah pada masa itu.

Oleh itu, penyelesaian yang mahkamah lihat pada hari ini semata-
H mata berdasarkan wujudnya penghakiman dan perintah mahkamah ke atas tanah pusaka itu. Berdasarkan s 28 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 16/1992 ('EKMS'), kewujudan perintah demikian menghalang mahkamah ini dari mengambil tahu tentang guaman itu atau membicara semula.

I Isu yang ditimbulkan oleh peguam plaintif bahawa wujud penipuan dalam pindahmilik tanah tersebut kepada Pg Siti Fatimah patut dibuktikan semasa permohonan ini didengar. Sekyen 32 EKMS membenarkan plaintif membawa bukti lain melawan fakta yang telah dibuktikan oleh defendan.

Oleh kerana plaintif tidak membuktikan dakwaan itu, maka dakwaan wujud penipuan dalam pindahmilik tanah oleh Pg Siti Fatimah ditolak. A

Peguam plaintif patut lebih berhati-hati ketika berhujah. Dakwaan yang demikian itu boleh menimbulkan prasangka dan rasa kurang yakin terhadap pihak yang berkenaan.

Adakah perintah dan keputusan mahkamah sesyen dan Mahkamah Anak Negeri terpakai dalam kes harta orang Islam? Saya berpendapat perintah dan keputusan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah awam atau Mahkamah Anak Negeri yang melibatkan harta pusaka orang Islam sebelum pindaan kepada perkara 121A Perlembagaan Persekutuan adalah sah dan tidak boleh dibicara semula. Pindaan perkara 121A menguatkan hujah bahawa mahkamah awam dan Mahkamah Anak Negeri mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan mengenai harta orang-orang Islam dengan syarat bagi Mahkamah Anak Negeri pihak-pihak terlibat hendaklah seorang anak negeri. B C

Pindaan perkara 121A Perlembagaan Persekutuan bertujuan memindahkan kuasa yang pada mulanya dimiliki oleh mahkamah selain Mahkamah Syariah kepada Mahkamah Syariah. Ini bermakna apa-apa yang diputuskan oleh mahkamah sesyen, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tinggi Awam terhadap harta pusaka orang-orang Islam sebelum pindaan dan sebelum negeri-negeri mengambil kuasa itu adalah sah dan tidak boleh dibawa semula ke mana-mana Mahkamah Syariah. Bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri dalam perkara harta pusaka orang-orang Islam hanya dihalang pada tahun 1992 apabila Enakmen Mahkamah Anak Negeri diwujudkan. Dalam soal pewarisan tanah pusaka menurut Enakmen Tanah Negeri Sabah lebih mengutamakan keputusan perintah Mahkamah Anak Negeri berbanding keputusan Mahkamah Syariah kecuali setelah Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 wujud walaupun Enakmen Tanah itu sendiri belum dipinda dengan memasukkan sebutan perintah Mahkamah Syariah. D E F

Oleh yang demikian, apa-apa yang telah diputuskan oleh mahkamah terdahulu perlu dihormati walaupun tidak menepati hukum syarak. Sistem kehakiman dan perundangan Malaysia telah menentukan demikian. Mahkamah ini juga tertakluk kepada sistem yang ada. Untuk mengubah sistem yang sedia ada bukanlah tugas mahkamah ini. G

Dengan demikian saya dapati kes tanah pusaka Pg Mohd Jalaluddin telah selesai melalui penghakiman dan perintah mahkamah terdahulu. Mahkamah ini tidak boleh mendengar kes-kes yang telah diselesai oleh mana-mana mahkamah terdahulu walaupun keputusan/pembahagian itu tidak menepati hukum faraid. H

Sesuatu kes itu dianggap telah selesai dalam tiga keadaan: pertama, melalui perintah mahkamah dan telah tamat tempoh rayuan; kedua, penyelesaian melalui perjanjian/sulh (s 88 EPMS); dan ketiga, penarikan balik kes tanpa kebenaran mahkamah yang mana pihak defendan telah membuat jawapan balas (s 91 EPMS). Kes-kes yang diselesaikan melalui salah satu cara ini membawa kesan res judicata kepada prosiding seterusnya ke atas perkara yang sama. I

A Dalam kes tanah pusaka Pg Mohd Jalaluddin juga telah diselesaikan melalui perintah mahkamah. Oleh itu tiada apa-apa mengenai tanah itu yang boleh dibawa semula ke mahkamah ini kecuali diberi dengan jelas oleh undang-undang. Mahkamah ini tidak dibekalkan kuasa mendengar atau menyemak semula apa-apa kes yang telah diselesaikan oleh mahkamah terdahulu.

B

Adapun hujah peguam plaintif mengenai pesanan Nabi Muhammad SAW supaya hakim tidak membuat apa-apa keputusan sebelum mendengar dari kedua-dua pihak sebenarnya tidak bertentangan dengan permohonan yang dibuat oleh defendan. Kedua-dua pihak dibenar mengemukakan hujah sama ada saman plaintif wajar diteruskan atau dibuang/dibatal.

C

Manakala hujah peguam plaintif mengenai tindakan Khalifah Omar membatalkan keputusannya setelah mendengar saranan Saidina Ali, saya katakan dalam kes zina keputusan hakim itu masih boleh diubah sebelum perintah itu dilaksana dengan syarat wujud keterangan atau saksi lain yang membawa keterangan yang lebih kukuh. Tuduhan dan sabitan zina boleh
D dibuang kerana wujud keraguan dan keterangan itu tidak boleh disokong oleh sumpah/yamin. Saya bersetuju dengan hujah defendan bahawa kes itu belum selesai walaupun Khalifah Omar telah mensabitkan kesalahan itu.

Keadaan ini agak berbeza dalam kes mal di mana keterangan boleh disokong dengan sumpah mengikut syarat-syaratnya. Dalam sistem
E kehakiman sekarang dan terdahulu, pihak-pihak yang berkepentingan boleh membuat rayuan atau bantahan terhadap apa-apa keputusan mahkamah dalam tempoh yang dibenarkan.

Hujah plaintif seterusnya mengenai undang-undang yang dipakai pada tahun 1913 adalah undang-undang Islam/syarak bagi orang Islam. Sebenarnya undang-undang yang dipakai di Borneo Utara pada masa itu
F adalah undang-undang British. Dalam undang-undang itu hanya menyarankan sekiranya masyarakat Borneo yang berada di bawah tadbiran BNBC mempunyai undang-undang agama atau adat yang diamalkan, Pihak BNBC boleh menggunakannya dalam hal-hal tertentu sahaja. Adakah dengan adanya peruntukan ini kita boleh mengatakan bahawa di Borneo
G Utara undang-undang syarak (Islam) dikuatkuasa bagi umat Islam?

Saya berpendapat undang-undang Islam bukan undang-undang utama di Borneo Utara semasa pemerintahan Pg Abdul Rauf dan selepasnya. Hujah saya ialah semasa kematian Pg Abdul Rauf, tanah Karambunai telah diwarisi seratus peratus oleh Pg Mohd Jalaluddin sedangkan pada
H masa itu kekuasaan memerintah masih dipegang oleh kerabat Pg Abdul Rauf. Dan sebagai pemerintah, ia bertanggungjawab melaksanakan undang-undang itu dan menguatkuasakannya.

Hujah peguam plaintif mengatakan hukum syarak tidak pernah lupus di negeri ini tidak dinafikan. Tetapi hukum syarak boleh dibahagi kepada dua dilihat dari segi pelaksanaan:

I

(1) Pelaksanaan secara individu; dan

(2) Pelaksanaan melalui pemerintah.

Pelaksanaan hukum syarak diperingkat individu memang diakui tidak pernah lupus. Bagaimanapun, hukum syarak yang memerlukan komitmen pemerintah adalah menjadi tandatanya. Contohnya mengenai hukum bunuh, rejam, sebat dan pembahagian faraid. Pemerintah mempunyai kuasa melaksana dan menguatkuasakan undang-undang itu sekiranya undang-undang itu diterima-pakai sepenuhnya di negeri itu.

Hujah peguam plaintif seterusnya berkata kemungkaran yang berlaku dalam pindahmilik tanah pusaka Pg Mohd Jalaluddin kepada Pg Siti Fatimah hendaklah diubah dan diperbetulkan dengan menggunakan kuasa yang ada pada mahkamah ini. Saya katakan bahawa terlalu banyak kemungkaran yang berlaku yang perlu dibenteras dan diperbetulkan. Bagaimanapun, untuk melawan kemungkaran itu bukanlah tugas mahkamah ini secara bersendirian yang dapat mengubahnya. Kemungkaran yang didakwa berlaku dalam pindahmilik tanah pusaka kepada Pg Siti Fatimah belum pasti.

Andai kata terbukti sekalipun, masih terdapat halangan bagi mahkamah ini untuk mengambil tahu kerana kes tanah pusaka itu telah disentuh dan diputuskan dan dikeluarkan perintah oleh Mahkamah Anak Negeri dan mahkamah sivil. Jika mahkamah ini membenarkan kes itu dibicara, ia akan membawa kesan yang buruk dan perdebatan mengenai keputusan mahkamah terdahulu dan keputusan mahkamah syariah. Konsep hormat-menghormati keputusan mahkamah terdahulu yang bertindak berdasarkan bidang kuasa adalah jalan terbaik untuk mengelak kekecohan dalam sistem keadilan di negara ini walaupun keputusan itu bertentangan dengan hukum syarak.

Saya bersetuju dengan hujah peguam plaintif berdasarkan pendapat Ibnu Qudamah bahawa sekiranya terdapat sesuatu kes yang telah diputuskan oleh hakim yang lain selainnya dan hakim tersebut mendapati kesalahan dan kesilapan telah berlaku atau menyalahi hukum syarak hendaklah diubah. Bagaimanapun, kuasa yang diberi kepada mahkamah ini hanyalah terhad kepada kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah ('MRS') tidak termasuk kes yang diputuskan oleh mahkamah selain MRS (rujuk s 15 Enakmen Mahkamah Syariah No 14 /1992).

Kita berharap bidang kuasa mahkamah syariah diperluaskan lagi melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan. Tugas ini bukanlah tugas Mahkamah Syariah untuk memindanya tetapi tugas tuan-tuan yang inginkan undang-undang Islam bertapak teguh dalam sistem keadilan dan kehakiman negara.

Tuan-tuan perlu ingat bahawa mahkamah ini menghukumkan perkara-perkara yang zahir sahaja. Ada pun perkara yang tersembunyi yang tidak dapat dilihat oleh mahkamah ini maka hanya Allah sahaja yang dapat memutuskannya. Mungkin mahkamah ini memberikan sesuatu itu kepada salah satu pihak di kalangan kamu dari hak orang lain. Oleh itu janganlah terlalu bergembira dengan apa yang anda perolehi itu kerana ia mungkin seketul api dari api neraka. Bertakwalah kepada Allah dengan mengingati pesanan Rasulullah SAW dalam soal tuntut-menuntut harta dunia.

A Berdasarkan hujah-hujah dan alasan-alasan ini, mahkamah memutuskan:

(1) Mahkamah meluluskan permohonan defendan-defendan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif-plaintif dengan kos.

B (2) Mahkamah memerintahkan kos dibebankan ke atas plaintif-plaintif. Kiraan kos adalah berdasarkan taksiran yang diamalkan di mahkamah sivil.

Permohonan dibenarkan.

C

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

D

E

F

G

H

I